

APAKAH FAEDAHNYA ANWAR SAMAN MAHATHIR?

OLEH: PENULIS POLITIK LUAR

Era Baru - 20/4/2007.

JIKA dilihat dari wajah kedua-dua pemimpin dalam gambar ini, sukar untuk mempercayai bahawa mereka sudah berbalah dan perhubungan mereka sudah lama putus ekoran pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dari jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO. Anwar menuduh Tun Dr Mahathir bersubhat menjatuh dan memalukan beliau. Lalu selepas Anwar dibebaskan dari penjara, beliau telah mengambil tindakan undang-undang terhadap Dr Mahathir dan menuntut ganti rugi sebanyak RM200 juta.

Tetapi apa yang berlaku, menurut ceritanya, ialah Anwar tidak mampu mengawal cita-citanya yang tinggi untuk menjadi Perdana Menteri dengan secepat mungkin dengan melakukan kerja-kerja yang dilihat cuba menjatuhkan bosnya dengan apa cara sekalipun. Dan dalam masa yang sama Anwar pernah berkata, "Dr Mahathir adalah bapa saya didalam arena politik dan banyak berhutang budi kepadanya".

Sesungguhnya Dr Mahathir telah banyak kali mengistiharkan secara terbuka bahawa Anwarlah pengganti beliau setelah beliau mengundurkan diri.

Barangkali disebabkan mahu membalas dendam, Anwar tidak teragak-agak menyaman Dr Mahathir yang telah banyak berjasa dan memberi tunjuk ajar kepada beliau biarpun perbuatan Dr Mahathir yang jelas banyak memihak kepada Anwar tidak disenangi oleh ramai pihak.

Persoalannya, berapa yakinkah Anwar dalam tuntutan beliau terhadap Dr Mahathir? Tidakkah Anwar berfikir bahawa apabila kes itu dibicarakan, banyak lagi keburukan beliau mungkin akan terbongkar dan menimpa beliau?

Rasanya Anwar akan dipandang lebih mulia jika beliau membatalkan sahaja saman beliau itu dan biarlah yang telah berlalu dilupakan, lagipun Anwar dikatakan masih bercita-cita untuk menjadi Perdana Menteri. Apa kata pembaca?



DULU KAWAN SEKARANG LAWAN... Tun Dr Mahathir Mohamed bersalaman dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim bekas Timbalan Perdana Menteri ketika mereka menerajui kerajaan.